BAHAGIAN A (20 SOALAN OBJEKTIF)

1. Definisi bagi proses transpirasi adalah

A proses kehilangan air dari daun ke persekitaran melalui stomata dalam bentuk wap air

B proses penyejatan air pada daun dalam bentuk wap air

C proses menahan kehilangan air dari daun tumbuhan

D proses penghasilan makanan di dalam daun tumbuhan

2. Fungsi floem adalah

A mengangkut air ke seluruh tumbuhan

B mengangkut sukrosa dari daun ke seluruh bahagian tumbuhan

C mengangkut garam mineral

D menyimpan glukosa pada daun

3. Empat batang pokok keembung yang ditanam di dalam empat pasu telah diletakkan di beberapa kawasan berbeza. Pokok manakah yang akan layu terlebih dahulu?

A di ruang tamu

B di dalam bilik

C di tepi tingkap

D di kawasan lapang depan rumah

Struktur yang membenarkan pertukaran oksigen dan karbon dioksida semasa fotosintesis dan juga respirasi serta menyingkirkan wap air semasa transpirasi.

4. Maklumat berkenaan adalah merujuk kepada struktur _____

A xylem

B floem

C stomata

D tiub vaskular

5. Kadar transpirasi yang berlaku pada tumbuhan meningkat apabila

A kelembapan udara meningkat

B pergerakan udara meningkat

C stoma daun tertutup

D suhu persekitaran menurun

LIVEWORKSHEETS

6. Kadar transpirasi dipengaruhi oleh

I keamatan cahaya
II pergerakan angin
III suhu
IV kelembapan udara

A I dan II sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D Semua di atas

7. Antara berikut, keadaan manakah yang membawa kepada kadar transpirasi yang paling rendah?

A Keamatan cahaya yang tinggi dan tiada pergerakan udara

B Keamatan cahaya yang rendah dan terdapat pergerakan udara

C Keamatan cahaya yang rendah dan tiada pergerakan udara

D Keamatan cahaya yang tinggi dan terdapat pergerakan udara

8. Di manakah berlakunya kehilangan air yang banyak pada tumbuhan?

A Daun
B Batang
C Akar
D Pucuk

9. Epidermis daun terdiri daripada

A satu lapisan sel di bahagian atas daun

B satu lapisan sel di bahagian bawah daun

C dua lapisan sel di permukaan atas dan bawah daun

D satu lapisan sel di permukaan atas dan bawah daun

10. Proses kehilangan air semasa transpirasi dikurangkan dengan kehadiran _____ pada permukaan luar daun.

A kutikel berlilin
B berkas vaskular
C stomata
D sel epidermis

11. Selain transpirasi, tumbuhan juga kehilangan air melalui proses

A respirasi
B gutasi
C fotosintesis
D peresapan

LIVEWORKSHEETS

Rajah 1 menunjukkan satu proses yang berlaku pada tumbuhan.



Rajah 1

12. Pilih pernyataan yang benar mengenai proses di atas.


A Ianya biasa berlaku pada waktu siang.

B Kebanyakannya berlaku pada pinggir daun.

C Ianya berlaku apabila kelembapan udara adalah tinggi.

D Juga disebut sebagai embun yang dijumpai selepas hujan.

13. Rajah 2 menunjukkan satu eksperimen yang dijalankan pada tumbuhan.



Rajah 2

Fungsi kertas kobalt klorida kontang adalah untuk menguji

A respirasi

B fotosintesis

C kehadiran air

D kehadiran udara

14. Pada waktu malam, didapati stoma adalah tertutup. Ini adalah kerana

A sel pengawal menjadi segah


B fotosintesis tidak berlaku pada waktu malam

C air memasuki sel pengawal pada waktu malam

D tumbuhan tidak melakukan respirasi pada waktu malam

LIVEWORKSHEETS

15. Rajah 3 menunjukkan suatu tumbuhan yang telah dibuang kulit.pada bahagian batang.



Rajah 3

Mengapakah bahagian K membengkak?

A Makanan terkumpul di bahagian tersebut.

B Bahagian tersebut dijangkiti kuman perosak.

C Air daripada daun terkumpul di situ.

D Tisu xylem telah dibuang dan mengakibatkan situasi tersebut.

16. Perbezaan di antara xilem dan floem adalah

A floem mengangkut air manakala xilem mengangkut glukosa

B bilangan floem adalah banyak manakala bilangan xilem sedikit

C floem berada di dalam bahagian kulit batang, manakala xilem berada pada bahagian tengah batang

D floem berada pada bahagian tengah batang, manakala xilem berada di dalam bahagian kulit batang

17. Sistem pengangkutan dalam tumbuhan terdiri daripada

I stoma

II xilem

III floem

IV sel epidermis

A I dan II sahaja

B I dan IV sahaja

C II dan III sahaja

D I, II dan III sahaja

LIVEWORKSHEETS

18. Kadar transpirasi tumbuhan yang disiram dengan baik adalah paling tinggi pada hari yang _____.

A sejuk dan hujan

B panas dan berangin

C sejuk, hujan dan berangin

D panas, kering dan berangin

19. Antara berikut, yang manakah BUKAN kepentingan sistem pengangkutan bagi tumbuhan?

A Mengangkut air bagi menjalankan fotosintesis

B Mengangkut nutrien organik hasil fotosintesis

C Mengangkut mineral untuk dibekalkan kepada sel tumbuhan

D Mengangkut gas karbon dioksida untuk fotosintesis

20. Persamaan di antara sistem peredaran haiwan dengan sistem pengangkutan tumbuhan adalah

A arah pergerakan bahan adalah sehala

B melibatkan saluran dalam tisu vaskular

C mengangkut air, garam mineral dan nutrien lain

D mempunyai organ untuk mengepam bahan yang diangkut

LIVEWORKSHEETS